

20/09/2000

Istana Budaya rai ulang tahun

Akmal Abdullah

BIARPUN menerima pelbagai kritikan pedas, Istana Budaya tetap mendapat perhatian masyarakat yang berbangga dengan kewujudannya dalam melakari kegiatan seni budaya tempatan ke tahap lebih maju.

Sebagai pusat kegiatan seni pentas terbesar di rantau ini, malah muncul antara 10 kompleks kesenian terancang di dunia, Istana Budaya membuktikan kewujudannya tidak sia-sia dengan pengisian acara yang padat sepanjang tahun.

Istana Budaya yang tersergam di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur meraikan sambutan ulang tahunnya yang pertama antara 15 hingga 17 September lalu.

Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 15 September tahun lalu.

Sempena sambutan ulang tahun pertamanya, pelbagai acara dianjurkan untuk orang ramai. Ia dimulakan dengan majlis doa selamat pada pagi Jumaat lalu, diikuti penyampaian anugerah perkhidmatan Istana Budaya.

Acara lain ialah pameran seni tampak daripada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan (KKKP), persembahan muzik, program derma darah bersama Hospital Universiti, pameran, pertandingan melukis, sesi Jalinan Mesra Bersama Media, cabutan tiket bertuah serta sesi bersama artis teater Nyiur Gading Puncak Mahligai.

Lawatan berpandu juga mendapat perhatian apabila pengunjung dibawa ke semua tempat di sekitar Istana Budaya bagi meninjau di sebalik pentas Panggung Sari.

Sempena sambutannya selama tiga hari, harga tiket pementasan teater komedi Nyiur Gading Puncak Mahligai turut ditawarkan dengan harga RM10 bagi semua tempat duduk.

Ketua Setiausaha KKKP, Datuk Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid, berkata sambutan ulang tahun Istana Budaya tahun ini menggunakan tema Selamat Hari Jadi IB.

"Ia memberi peluang kepada masyarakat di negara ini, khususnya di Lembah Klang untuk mengenali Istana Budaya secara lebih dekat menerusi pelbagai program yang diadakan.

"Diharapkan sambutan ini membuka pintu Istana Budaya kepada masyarakat untuk mendekatinya dengan lebih dekat," katanya.

Tengku Alauddin berkata, sebagai prasarana yang baru, pihaknya mengalu-alukan pandangan dan kritikan membina daripada media massa.

"Kecemerlangan tidak akan wujud dalam masa sehari dua, malah mungkin menjangkau abad. Namun, usaha ke arah penonjolan kecemerlangan harus didalangi keseluruhan masyarakat Malaysia," katanya.

Sejak ia dibuka, Istana Budaya berjaya mementaskan teater seperti Keris Sang Puteri, Tun Perak, Siti Zubaidah, Rubiah dan terbaru, 32350 Tragedi Bukit Kepong.

(END)